KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **16 April 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: RABU
TARIKH: 16/4/2025
M/SURAT: 8

# SSM perkenal inisiatif perkukuh ekosistem perniagaan negara dan tingkatkan tahap pematuhan korporat

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), memperkenalkan empat inisiatif baharu dalam usaha memperkukuh ekosistem perniagaan negara dan meningkatkan tahap pematuhan korporat.

Menterinya Datuk Armizan Mohd Ali berkata inisiatif dilancarkan sempena ulang tahun penubuhan SSM ke-23 tahun itu, bertujuan juga untuk mengurangkan bebanan dihadapi komuniti perniagaan khususnya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

"Inisiatif pertama ialah pengenalan perkhidmatan e-Advertisement SSM berdasarkan Seksyen 76A Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) (Pindaan) 2024.

"Melalui inisiatif ini, PLT yang ingin melaksana penggulungan secara sukarela boleh menyiarkan notis melalui platform e-Advertisement SSM dengan bayaran RM500.

"Ia merupakan alternatif bagi PLT dalam memenuhi keperluan statutori untuk pengiklanan atau penyiaran maklumat statutori syarikat, yang sebelum ini hanya dilaksana melalui iklan surat khabar. Usaha ini mengurangkan kos syarikat kerana lebih murah sekali gus menangani isu keterbatasan edaran akhbar fizikal yang tidak meliputi seluruh negara," katanya.



**BUAT KENANGAN: Armizan beramah mesra bersama kakitangan SSM sempena rumah terbuka Aidilfitri dan Ulang Tahun SSM Ke-23 di Kuala Lumpur, semalam.** — Gambar Bernama

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan inisiatif baharu itu pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri dan Sambutan Ulang Tahun SSM ke-23, di sini semalam.

Armizan berkata inisiatif kedua ialah pengurangan kompaun sehingga 95 peratus daripada nilai asal dan pengurangan fi e-Advertisement SSM kepada RM100 bagi PLT yang layak, tertakluk kepada permohonan dikemukakan sebelum atau pada 30 September 2025.

"Inisiatif ini khusus bagi permohonan penggulungan sukarela di bawah Seksyen 50 Akta PLT 2012, melibatkan PLT yang tidak lagi beroperasi dan telah dikenakan kompaun atas ketidakpatuhan seperti kegagalan menyerah simpan Perakuan Tahunan," katanya.

Bagi inisiatif ketiga, beliau berkata melibatkan pengurangan kompaun sebanyak 90 peratus daripada nilai asal bagi kesalahan lazim di bawah Akta Syarikat 1965 atau 2016 serta Akta PLT 2012 yang ditawarkan sehingga 30 September 2025.

Inisiatif keempat, beliau berkata ialah penawaran pengurangan kompaun sebanyak 95 peratus daripada nilai asal kepada syarikat yang layak untuk memohon pemotongan nama di bawah Seksyen 550 Akta Syarikat 2016.

"Syarikat yang tidak lagi beroperasi atau tidak berhasrat meneruskan perniagaan dan telah dikenakan kompaun atas kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan, Penyata Kewangan atau ketidakpatuhan lain, kini boleh tampil secara sukarela untuk memohon pemotongan nama daripada daftar SSM. Tawaran ini juga terbuka sehingga 30 Sept 2025," katanya.

Beliau berkata di samping empat inisiatif baharu itu, SSM sebuah agensi yang ditubuhkan pada 16 April 2002, akan meneruskan pelaksanaan inisiatif yang diumumkan sebelum ini selari dengan usaha pemerkasaan komuniti perniagaan di Malaysia.

"SSM akan meneruskan pelaksanaan Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) yang membolehkan pengecualian fi pendaftaran bagi tahun pertama kepada usahawan daripada kumpulan B40, pelajar sepenuh masa institusi pengajian tinggi serta pasangan kepada usahawan B40.

"Selain itu, skim 1 OKU 1 Perniagaan (S101P) turut diteruskan dengan menawarkan pengecualian fi pendaftaran dan pembaharuan perniagaan, bagi memberi peluang kepada golongan orang kurang upaya (OKU) menceburi bidang perniagaan secara sah di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956," katanya. — Bernama

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: RABU
TARIKH: 16/4/2025
M/SURAT: 12

# SSM introduces four initiatives to strengthen business ecosystem

**KUALA LUMPUR:** The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), through the Companies Commission of Malaysia (SSM), has introduced four new initiatives aimed at strengthening the nation's business ecosystem and enhancing corporate compliance standards.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the initiatives, introduced in conjunction with SSM's 23rd anniversary this year, are also designed to ease the burden on the business community, particularly micro, small, and medium enterprises (MSMEs).

"The first initiative involves the launch of SSM's e-Advertisement service under Section 76A of the Limited Liability Partnership (LLP) (Amendment) Act 2024. This platform enables LLPs that wish to voluntarily wind up their operations to publish statutory notices via SSM's e-Advertisement service for a fee of RM500," he explained.

"This service provides an alternative to the traditional method of publishing statutory information through print media.

"By offering a more cost-effective and accessible digital platform, it not only lowers operational costs for businesses but also addresses the limitations of physical newspaper distribution, which may not reach all regions across the country," he added.

He said this after launching the new initiatives at the SSM Aidilfitri Open House and 23rd Anniversary celebration held Tuesday.

Armizan said the second initiative involves a compound reduction of up to 95 per cent of the original value, along with a reduction in the e-Advertisement fee to RM100 for eligible LLPs.

This offer is applicable for voluntary winding-up applications submitted on or before Sept 30, 2025.

"This initiative is targeted specifically at LLPs that are no longer operating and have been issued with compound for non-compliance – such as the failure to lodge annual certificates – under Section 50 of the LLP Act 2012," he explained.

The third initiative, he said, provides for a 90 per cent reduction in compound fines for common offences under the Companies Act 1965 or 2016, as well as the LLP Act 2012. This offer is also available until Sept 30, 2025.

The fourth initiative focuses on encouraging companies that are no longer in operation to regularise their status.

Under this initiative, a 95 per cent reduction in compound fines is offered to eligible companies applying for name deletion under Section 550 of the Companies Act 2016.

"Companies that have ceased operations or no longer intend to conduct business – and have been penalised for non-compliance such as failure to lodge annual returns, financial statements, or other statutory documents – are now encouraged to come forward voluntarily to apply for removal from the SSM register. This incentive is also valid until Sept 30, 2025," he added.

He added that beyond the four newly introduced initiatives, the SSM – which was established on April 16, 2002 – will continue to implement previously announced programmes in support of efforts to empower and uplift the Malaysian business community.

"SSM will maintain the implementation of the Free Business Registration Scheme (SPPP), which grants a one-year registration fee exemption to eligible entrepreneurs from the B40 income group, full-time students of higher education institutions, and spouses of B40 entrepreneurs," he said.

Additionally, the 1 OKU 1 Business (S1O1P) Scheme will also continue. This initiative offers a full waiver of business registration and renewal fees for persons with disabilities (PwDs), enabling them to legally participate in business activities under the Registration of Business Act 1956.

He also urged entrepreneurs and members of the corporate sector to fully leverage these incentives, which are designed to promote greater compliance with existing laws and contribute to a more competitive, inclusive, and sustainable domestic business environment. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

詩華日報
SEE HUA DAILY NEWS

HARI: RABU
TARIKH: 16/4/2025
M/SURAT: 6



阿米占（左）出席大马公司委员会开斋节开放门户和23周年纪念活动。（马新社图）

# 馬公司委會推4新措
# 加強商業生態企業標準

（吉隆坡15日讯）国内贸易及生活费部通过大马公司委员会（SSM）推出4项新措施，以加强国家的商业生态系统和提高企业的合规标准。

内贸部长拿督阿米占表示，配合SSM成立23周年所推出的新措施，也是为了减轻商界，尤其是微型和中小型企业的负担。

“第一项措施是在《2024年有限责任合伙企业（修正）法令》第76（A）条文下推出的SSM电子广告服务。允许有意自愿清盘的有限责任合伙企业以500令吉费用，通过该平台发布法定通知。”

他说，此项电子服务为传统纸媒发布方式提供数字替代方案，不仅降低营运成本，也解决了传统报章无法覆盖全国各地的限制问题。

阿米占是今日出席SSM开斋节开放门户和23周年庆典上推介这4项新措施。

他表示，第二项措施是为符合资格的LLP提供原始罚款95%折扣，并将电子广告费用降至100令吉，适用于在2025年9月30日或之前提出自愿清盘申请的企业。

“这项措施是针对不再营运，并因未呈报年度证书等，违反《2012年有限责任合伙企业法令》第50条文而被开罚单的LLP。”

至于第三项措施，则是对违反《1965年/2016年公司法令》及2012年有限责任合伙企业法令的常见违规行为，提供高达90%罚款折扣，同样有效期至2025年9月30日。

第四项措施旨在鼓励已停止营运的公司主动规范自身状态。符合资格的公司若在《2016年公司法令》第550条文下申请除名，将可获得高达95%的罚款折扣。

阿米占说，那些已停止营运或无意继续经营的公司，若因未呈报年度申报表、财务报表或其他法定文件而遭罚款，现可趁此机会自愿申请从SSM中除名。此项措施同样有效至2025年9月30日。

他补充，除了这4项新措施，SSM也将继续执行既有计划，以协助强化和提升大马企业发展。

## 续免费实施商业注册计划

“SSM将继续实施免费的关怀商业注册计划（SPPP），为来自B40低收入群体的企业家、大专全职学生及B40企业家配偶提供为期一年的商业注册费用豁免。”

此外，“一名残疾一项商业”（S101P）计划亦会继续执行，为残疾提供免费商业注册及豁免更新费用，协助他们在《1956年商业注册法令》下合法参与商业活动。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH
BeritaHarian

HARI: RABU
TARIKH: 16/4/2025
M/SURAT: 8

# MyCC cadang 22 perusahaan dikenakan penalti

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mencadangkan penalti terhadap 22 perusahaan kerana terbabit dengan perjanjian penetapan harga bagi penyediaan perkhidmatan pusat penjagaan kanak-kanak di Kuala Lumpur dan Selangor.

Pengerusi MyCC, Tan Sri Idrus Harun, berkata selain berada pada peringkat keputusan cadangan, semua perusahaan yang terbabit itu juga didakwa kerana melanggar seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

Berdasarkan siasatan MyCC, katanya, bukan saja terdapat cadangan untuk menaikkan yuran perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang sudah dibincangkan, malah ia sudah dipersetujui oleh semua perusahaan itu dalam satu mesyuarat persatuan.

"Keputusan itu kemudian dimaklumkan kepada semua ahli persatuan dan pemilik pusat penjagaan kanak-kanak melalui pengedaran satu pekeliling.

"MyCC mendapati bahawa tindakan itu bertujuan menyekat persaingan dalam penyediaan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di Kuala Lumpur dan Selangor," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Idrus berkata, keputusan cadangan yang dikeluarkan oleh MyCC masih pada peringkat dapatan awal.

"Justeru ia tidak boleh diandaikan mana-mana perusahaan yang dinyatakan dalam keputusan cadangan itu secara konklusifnya sudah melanggar Akta 712 pada peringkat ini.

"Seperti diperuntukkan dalam Akta 712, semua perusahaan yang dinamakan dalam keputusan cadangan sudah dimaklumkan mengenai penalti dan arahan yang dicadangkan oleh MyCC.

"Perusahaan-perusahaan ini diberi peluang untuk mengemukakan representasi bertulis kepada MyCC dalam tempoh 30 hari selepas menerima keputusan cadangan.

"Selepas itu, perusahaan yang sama juga diberi peluang untuk membentangkan representasi lisan masing-masing kepada MyCC pada tarikh yang akan ditetapkan kelak," katanya.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI: RABU
TARIKH: 16/4/2025
M/SURAT: 8

# 22 perusahaan dicadang dikenakan penalti – MyCC




**MYCC mencadangkan sebanyak 22 perusahaan dikenakan penalti bagi penyediaan khidmat pusat jagaan kanak-kanak.** – GAMBAR HIASAN

**PETALING JAYA** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), mencadangkan penalti terhadap 22 perusahaan kerana terbabit dengan perjanjian penetapan harga bagi penyediaan perkhidmatan pusat penjagaan kanak-kanak di Kuala Lumpur dan Selangor.

Pengerusinya, Tan Sri Idrus Harun berkata, semua perusahaan itu pada peringkat keputusan cadangan ini, juga didakwa telah melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

"Berdasarkan siasatan MyCC, bukan saja terdapat cadangan untuk menaikkan yuran perkhidmatan penjagaan kanak-kanak telah dibincangkan, malah ia sudah dipersetujui semua perusahaan itu dalam satu mesyuarat persatuan.

"Keputusan itu kemudiannya dimaklumkan kepada semua ahli persatuan dan pemilik pusat penjagaan kanak-kanak melalui pengedaran satu pekeliling.

"MyCC mendapati bahawa tindakan itu bertujuan untuk menghalang dan menyekat persaingan dalam penyediaan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di Kuala Lumpur dan Selangor," katanya dalam kenyataan semalam.

Ujarnya, perlu ditekankan bahawa keputusan cadangan yang dikeluarkan MyCC adalah masih pada peringkat dapatan awal.

"Maka tidak boleh diandaikan bahawa mana-mana perusahaan yang dinyatakan dalam keputusan cadangan itu secara konklusifnya sudah melanggar Akta 712 pada peringkat ini.

"Seperti yang diperuntukan dalam Akta 712, semua perusahaan yang dinamakan dalam keputusan cadangan sudah dimaklumkan mengenai penalti dan arahan dicadangkan MyCC.

"Perusahaan-perusahaan ini diberi peluang untuk mengemukakan representasi bertulis kepada MyCC dalam tempoh 30 hari selepas menerima keputusan cadangan," ujarnya.

Katanya, MyCC hanya akan mengeluarkan Keputusan Akhir selepas mempertimbangkan representasi itu bersama bukti yang diperoleh semasa proses penyiasatan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: RABU
TARIKH: 16/4/2025
M/SURAT: 13

# 雪隆22業者涉壟斷托兒費

## MyCC限30天內書面陳述

（吉隆坡15日讯）大马竞争委员会（MyCC）对雪隆区22家涉嫌垄断托儿服务价格的业者发出拟议裁决书，指控它们在雪隆一带串通涨价，违反2010年竞争法令第4条文。

### 会议中同意调高托儿费

大马竞争委员会主席丹斯里依德鲁斯哈伦今日发文告指出，该会是在调查期间发现，有关业者曾在一次协会的会议中讨论并最终达成一致，同意调高托儿费用，并透过通告将决定传达给所有成员及其他托儿中心业主。

"此举已构成限制、阻碍或扭曲竞争的协议，对吉隆坡与雪兰莪的托儿服务市场造成实质影响。"

不过，依德鲁斯强调，目前仅属拟议裁决的阶段，不能被假定为这些企业已被定罪，而涉案的业者仍可在接获通知后的30天内提交书面陈述，并出席口头陈述会，惟陈述会的日期将另行通知。

这起涉及多家托儿服务企业的价格协议案，已引起市场关注，该会强调将继续捍卫自由与公平竞争，确保消费者不受垄断行为影响。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光明日報
Guang Ming DAILY
HARI: RABU
TARIKH: 16/4/2025
M/SURAT: 4

# 擬壟斷雪隆托兒服務
# MyCC控22業者串通漲價

（吉隆坡15日讯）大马竞争委员会（MyCC）对雪隆区22家涉嫌垄断托儿服务价格的业者发出拟议裁决书，并指控相关业者在雪隆一带串通涨价，违反了2010年竞争法令第4条文。

大马竞争委员会主席丹斯里依德鲁斯哈伦发文告强调，该会是在调查期间发现，有关业者曾在一次协会的会议中讨论并达成共识，同意调高托儿费用，并透过通告将决定传达予所有成员及其他托儿中心业主。

文告表示，此举已构成限制、阻碍或扭曲竞争的协议，对吉隆坡与雪兰莪的托儿服务市场造成实质影响。

文告说，目前仅属拟议裁决的阶段，不能被假定为这些企业已被定罪，而涉案的业者仍可在接获通知后的30天内提交书面陈述，并出席口头陈述会，惟陈述会的日期则另行通知。

文告指出，大马竞争委员会将在考虑业者的陈述及所有调查所得证据后，作出最终裁决。

上述涉及多家托儿服务企业的价格协议案，已引起市场关注，该会将继续捍卫自由与公平竞争，确保消费者不受垄断行为影响。（TKM）

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 16 APRIL 2025 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 16-Apr | MyCC cadang penalti kepada 22 perusahaan atas dakwaan kartel perkhidmatan kanak-kanak | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/04/1384693/mycc-cadang-penalti-kepada-22-perusahaan-atas-dakwaan-kartel-perkhidmatan | BERITA HARIAN |
| 16-Apr | We use Omega pork" – Popular M'sian Eatery Justifies Price Hike from RM8.50 to RM15.50 for a Bowl of Noodles | https://worldofbuzz.com/we-use-high-quality-omega-pork-restaurant-explains-price-hike-of-rm15-50-from-rm8-50-for-a-bowl-of-noodle/ | WORLD OF BUZZ |
| 16-Apr | SSM perkenal inisiatif perkukuh ekosistem perniagaan negara, tingkat tahap pematuhan korporat | https://www.utusanborneo.com.my/2025/04/15/ssm-perkenal-inisiatif-perkukuh-ekosistem-perniagaan-negara-tingkat-tahap-pematuhan | UTUSAN BORNEO |
| 16-Apr | e-advertisement antara empat inisiatif baharu SSM | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/04/1384807/e-advertisement-antara- | BERITA HARIAN |
| 16-Apr | SSM introduces four initiatives to strengthen business ecosystem - Armizan | https://thesun.my/malaysia-news/ssm-introduces-four-initiatives-to-strengthen-business-ecosystem-armizan-GO13951070 | THE SUN |
| 16-Apr | Permohonan paten oleh wanita tahun lalu meningkat 23 peratus | https://malaysiagazette.com/2025/04/15/permohonan-paten-oleh-wanita-tahun-lalu- | MALAYSIA GAZETTE |
| 16-Apr | 22 tadika didakwa bersepakat menaikkan yuran | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/04/22-tadika-didakwa-bersepakat- | UTUSAN |
| 16-Apr | 22 pusat jagaan kanak-kanak disyaki sepakat naik yuran | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/04/15/22-pusat-jagaan-kanak-kanak-disyaki-sepakat-naik-yuran/ | FREE MALAYSIA TODAY |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT